

07 MAY 2002

MAYBANK-FILIPINA/I

MAYBANK BERMINAT PINDAH CAWANGAN KE FILIPINA

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Malayan Banking Bhd (Maybank) berminat untuk memindahkan sebahagian daripada 58 cawangannya ke kawasan lebih strategik di Filipina dalam tempoh satu atau dua tahun lagi, kata pengarah urusannya Datuk Amirsham Aziz, hari ini.

"Kami mahu memindah sebahagian daripada cawangannya ke kawasan pertumbuhan dan dari segi modal, kami akan mematuhi apa juga keperluan berkanun bagi memenuhi strategi baru," katanya.

Perniagaan sasaran Maybank di Filipina adalah perbankan pengguna dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), katanya kepada pemberita selepas pertemuan selama 30 mint dengan presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo, di sini, hari ini.

Beliau berkata Arroyo menyambut baik rancangan baru itu.

Apabila ditanya sama ada Maybank akan mempertimbang sama ada membuat penggabungan atau pemilikan di Filipina, beliau berkata: "Tidak di peringkat ini. Kami merancang untuk meletakkan pejabat perbankan semasa kami di Filipina di satu kedudukan yang kukuh."

Sehingga ini, Maybank juga telah meneroka ke Brunei, Singapura, Vietnam dan Kemboja.

Apabila ditanya sama ada bank itu merancangkan meneroka ke beberapa negara lain dalam tempoh terdekat ini, kata Amirsham: "Kami akan lihat bagaimana keadaannya."

Arroyo tiba di sini hari ini untuk lawatan sambil kerja. Lewat hari ini beliau akan berlepas ke Thailand.

Ketika berada di sini, beliau akan bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menyampaikan ucap tama di Mesyuarat Agung Antarabangsa Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) ke-35 selama dua hari, yang tamat hari ini.

PBEC adalah persatuan ketua-ketua perniagaan kanan dari rantau Lembangan Pasifik. -- BERNAMA

SM FR ZK